



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### **BICARA BAHASA KOLOKIAL: MELESTARI KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI 'MENGHILIR SUNGAI PAHANG'**

---

**KUANTAN**, 13 Julai 2023 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan program **Bicara Bahasa Kolokial : Melestari Keberdayaan Bahasa Komuniti bertemakan 'Menghilir Sungai Pahang'** di Hotel Grand Darul Makmur Kuantan, Pahang. Program ini diadakan dengan konsep forum yang mana Tokoh Pembicara berkongsi pengalaman, kajian dan penyelidikan serta pandangan mengenai bahasa kolokial kepada masyarakat umum.

Menyedari kepentingan bahasa sebagai warisan dan ejen pengukuh perpaduan antara kaum dan etnik di negara ini, maka Kementerian Perpaduan Negara melalui Arkib Negara Malaysia mengambil langkah proaktif untuk menganjurkan program ini. Ianya **selari dengan inisiatif Ini Warisan Kita** yang dibawa oleh Kementerian dalam **melestarikan bahasa sebagai salah satu warisan dan merupakan wadah yang paling utama dalam menyatupadukan masyarakat berbilang kaum dan etnik** di Malaysia. Bahasa juga merupakan cerminan budaya dan jati diri sesebuah bangsa melalui penggunaan bahasanya.

Objektif program ini adalah untuk **mendokumentasikan penggunaan bahasa kolokial (bahasa percakapan/ bahasa pasar) dalam kehidupan seharian** masyarakat berbilang kaum dan etnik di negara ini bagi menambah sumber rujukan dan penyelidikan bahasa kolokial dalam kalangan generasi masa kini dan akan datang. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk **menjadikan Arkib Negara Malaysia sebagai pusat pengumpulan sumber rujukan mengenai bahasa** dalam memperkukuhkan semangat cintakan sejarah dan patriotisme di kalangan masyarakat.

Program ini menampilkan **enam (6) Tokoh Pembicara**, melalui dua sesi bicara iaitu:-

1. YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Teo Kok Seong  
Felo Penyelidik Utama, Institut Kajian Etnik (KITA),  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
**(Topik: Konsep dan Penggunaan Bahasa Kolokial Masyarakat Berbilang Kaum)**
  
2. YBhg. Dato' Aripin bin Said  
Tokoh Warisan Orang Hidup Kebangsaan  
**(Topik: Penggunaan Bahasa Kolokial dalam Seni dan Budaya)**
  
3. Pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka  
**(Topik: Bahasa Kolokial dalam Konteks Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka)**
  
4. YBrs. Encik Saruchi bin Sawal  
Ketua Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang  
**(Topik: Perbandingan Bahasa Baku dan Bahasa Kolokial Pahang)**
  
5. YBrs. Encik Hassan bin Abu  
Pegiat Seni Budaya Negeri Pahang  
**(Topik: Bahasa Kolokial Daerah-daerah di Pahang)**
  
6. YBrs. Encik Afzainizam bin Ismail  
Pengerusi Persatuan Pencinta Loghat Daerah Negeri Pahang  
**(Topik: Bahasa Kolokial dalam Lagu Rakyat Pahang)**

Sesi tersebut telah dipengerusikan oleh YBrs. Encik A. Jailani bin Che Abas dari Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis, Pahang dengan penyertaan seramai 300 orang peserta yang terdiri daripada penggiat seni sastera dan budaya, pengkaji bahasa dan budaya, ahli persatuan NGO, guru-guru sekolah, pensyarah/ ahli akademik, pelajar universiti, pelajar sekolah menengah, pegawai dan kakitangan awam dan orang awam.

Antara program sisipan yang lain juga adalah seperti pameran mengenai sejarah dan perkembangan bahasa, demonstrasi pemeliharaan dan pemuliharaan bahan arkib serta jualan buku terbitan Arkib Negara Malaysia. Arkib Negara Malaysia juga bercadang untuk menganjurkan Program Bicara ini di empat (4) lokasi lain iaitu Kanowit Sarawak, Kota Kinabalu Sabah, Kota Bharu Kelantan dan Ipoh Perak dan akan diteruskan di negeri-negeri lain.

YB Menteri Perpaduan menyatakan harapanya agar penganjuran dan pendokumentasian program seumpama ini dapat menghasilkan dokumentasi mengenai bahasa kolokial untuk menambahkan sumber rujukan mengenai bahasa sebagai rujukan dan penyelidikan pelbagai pihak seterusnya mendukung hasrat kerajaan dalam menjayakan gagasan Malaysia MADANI.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

13 Julai 2023

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.*

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 (19)